

6

NO SOALAN :9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
(GERIK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.07.2017

Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kejayaan yang telah dicapai daripada pelaksanaan Ops Gegar 1 dan Ops Gegar 2 yang telah dijalankan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) semenjak awal tahun ini dalam usaha menjejak pengelak cukai yang tidak bertanggungjawab.

JAWAPAN

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

- 1) Operasi Gegar Bersepadu (OGB) yang dilaksanakan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mulai 10 April 2017 adalah merupakan satu operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan

terhadap pembayar cukai di seluruh negara. OGB telah dilaksanakan di dalam dua peringkat iaitu OGB1 dan OGB2. Antara aktiviti penguatkuasaan yang dilakukan LHDNM melalui OGB1 ini adalah lawatan benci perniagaan (*business*), serahan notis tunggakan cukai dan tindakan mahkamah, audit cukai, siasatan cukai dan sesi pendidikan cukai. Pembayar cukai yang terlibat dalam operasi ini adalah meliputi individu, majikan, syarikat pemaju perumahan dan harta tanah, syarikat pelaburan, syarikat pemborong, syarikat pembuat makanan, restoran, kontraktor, kedai buku, klinik dan perlombongan.

- 2) Melalui Ops Gegar Bersepadu 1 yang dijalankan pada 10 April 2017 hingga 14 April 2017, pihak LHDNM telah berjaya menyiasat 3,793 kes melibatkan nilai anggaran cukai dan penalti sebanyak RM1.976 bilion. Manakala OGB2 yang dijalankan dari 13 Jun 2017 hingga 30 Jun 2017, yang memfokuskan kepada kes tindakan audit dan semakan nota taksiran cukai dimana LHDNM telah berjaya menjalankan siasatan ke atas 2,597 kes yang melibatkan amaun anggaran cukai sebanyak RM115 juta. Secara keseluruhannya melalui OGB1 dan 2, LHDNM telah berjaya menjalankan siasatan ke atas 6,390 kes yang melibatkan jumlah nilai taksiran cukai sebanyak RM2.091 bilion.

SOALAN NO.: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 26 JULAI 2017 [RABU]

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bilangan pekebun kecil sawit yang menepati pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO) dan perkembangan usaha untuk membantu mereka untuk mendapatkan MSPO.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (*Malaysian Sustainable Palm Oil - MSPO*) telah dibangunkan berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan semasa dalam negara. Skim ini telah mula dilaksanakan secara sukarela mulai tahun 2015 dan Kementerian telah menubuhkan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (*Malaysian Palm Oil Certification Council – MPOCC*) bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pensijilan minyak sawit Malaysia di bawah MSPO.

Kementerian juga telah mengumumkan pelaksanaan pensijilan MSPO secara mandatori mulai 31 Disember 2019. Bagi mencapai matlamat ini, peluasan pensijilan secara berperingkat akan dilaksanakan bermula dengan syarikat-syarikat perladangan dan diikuti oleh para pekebun kecil. Kemajuan pelaksanaan akan dipantau dan langkah-langkah bersesuaian akan diambil agar MSPO diterima pakai oleh para penanam sawit, kilang buah sawit dan kilang penapis. Langkah ini akan membolehkan semua pihak dalam rantaian pengeluar minyak sawit disijilkan dengan MSPO.

Sehingga 13 Julai 2017, seramai 2,007 orang pekebun kecil sawit merangkumi pekebun kecil persendirian dan terancang dengan keluasan tanaman 7,822.36 hektar telah menepati kriteria dan memperolehi pensijilan MSPO.

Dalam hal ini, Kementerian akan memastikan pekebun-pekebun kecil sawit tidak ketinggalan dalam pelaksanaan MSPO dan akan terus dibantu dari segi khidmat nasihat, latihan, bimbingan penyediaan dokumentasi dan audit dalaman.

Sekian, terima kasih.